

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2000**

=====

**PENURUNAN KUASA KEBENARAN PINDAHMILIK KEPADA
AHLI-AHLI MAJLIS MESYURAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang bersidang pada 8.12.1999 telah membuat keputusan mewakili kuasa kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi menimbang permohonan kebenaran pindahmilik seperti yang terdapat dalam sekatan kepentingan hakmilik tanah. Kelulusan tersebut dibuat selaras dengan rombakan keanggotaan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri baru-baru ini.

2. Bagi pindahmilik tanah individu Bumiputera ke Bumiputera/bukan Bumiputera ke bukan Bumiputera/bukan Bumiputera ke Bumiputera dan yang bukan ahli keluarga maka penurunan kuasanya adalah seperti berikut:

Ahli MMKN	Daerah
(i) YB. Dato' Haji Mohd Mokhtar bin Haji Ahmad Dahlan	Petaling * Mukim Damansara * Mukim Petaling
(ii) YB. Ir. Lum Weng Keong	Petaling * Mukim Sg. Buloh * Mukim Bukit Raja * Mukim Shah Alam
(iii) YB. Puan Norkhaila binti Jamaludin	Klang
(iv) YB. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad	Hulu Langat

	Ahli MMKN	Daerah
(v)	YB. Dato' Ch'ng Toh Eng	Hulu Selangor
(iv)	YB. Dato' Abdul Fatah bin Haji Iskandar	Kuala Langat
(vii)	YB. Dato' Sivalingam a/l Katupiah	Kuala Selangor
(viii)	YB. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad	Sabak Bernam
(ix)	YB. Dato' Hj. Mohd Sharif bin Jajang	Selangor

3. Peraturan mengenai pemerosesan permohonan pindahmilik masih kekal di mana dokumen bersama fail berkenaan akan dikemukakan oleh Pentadbir Tanah ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang kemudiannya akan memanjangkan kepada YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk pertimbangan.

4. Penurunan kuasa ini tidak melibatkan perubahan kepada permohonan pindahmilik yang melibatkan individu Bumiputera kepada individu bukan Bumiputera dan pindahmilik individu kepada syarikat atau sebaliknya atau sesama syarikat, iaitu akan dikemukakan kepada Y.A.B. Menteri Besar Selangor untuk keputusan.

5. Dengan Pekeliling ini maka senarai penurunan kuasa dalam Pekeliling PTG.Bil.2/97 adalah terbatal. Semua Pentadbir Tanah dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya dalam mengemukakan kertas permohonan yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

T.T.
(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN DATO' SHARIFF)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul ehsan.

Bertarikh : 17 APRIL 2000.

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.4/2008***